

30/06/2004

Budaya feudalisme di universiti tempatan

By Sudin Lamri

LEBIH tiga dekad lalu, Malay Dilema hasil tulisan Tun Dr Mahathir Mohamad menggemparkan masyarakat, khususnya orang Melayu sehingga karya itu diharamkan kerana dianggap sensitif, radikal dan membawa dimensi baru dalam menyatakan apa yang diistilahkan sebagai 'realiti sebuah masyarakat'.

Kini, pada kurun ke-21 banyak pemikiran yang diungkapkan dalam karya itu masih menebal, malah lebih buruk keadaannya hasil manifestasi kemajuan dan pemodenan. Kita perlu akui Malaysia adalah negara unik yang mampu menjana kestabilan politik, kemakmuran ekonomi dan hubungan baik antara penduduk, walaupun rakyatnya pelbagai bangsa, budaya dan agama.

Rahsianya kerana kemurnian dasar yang dibentuk, disiplin rakyat yang baik selain usaha pentadbir menjayakan dasar yang digubal. Namun, sedekad lalu, apabila industrialisasi menjadi semakin pesat, ditambah dengan revolusi teknologi maklumat (IT) dan kemakmuran melimpah, rakyat Malaysia seakan-akan hilang arah.

Kemodenan yang sepatutnya mengukuhkan jati diri kini menjadi musuh dan menimbulkan kekalutan sehingga banyak usaha kemajuan itu dilaksanakan secara eksperimental.

Dalam bidang politik misalnya, atas nama demokrasi dan liberalisasi, hak bersuara yang berlebihan dituntut, manakala isu sensitif seperti agama dan perkauman masih menjadi alat oleh kebanyakan parti politik bagi tujuan meraih undi.

Perebutan kuasa kerana memikirkan kuasa mampu digunakan mencapai kekayaan seakan menjadi tujuan. Sama ada pada peringkat parti, antara parti malah hingga ke institusi kecil, banyak unsur politik digunakan.

Politik dilihat sebagai penyelesaian semua masalah, sedangkan politik tidak lebih daripada usaha mengatur dan mengurus hubungan antara manusia serta institusi dalam negara selain kaedah mentadbir negara dan kerajaan.

Lantaran itu, persatuan sukan, badan bukan kerajaan (NGO) sehingga kepada persatuan profesional, sama ada dipolitikkan atau berpolitik secara nyata sehingga asas pengurusan dan nilai profesionalisme diketepikan.

Demikianlah tingginya nilai politik yang diberikan masyarakat. Sebab itu, keinginan menjadi wakil rakyat cukup tinggi sehingga sanggup melobi, mengampu kepemimpinan atasan, bermuka-muka menunjukkan kebaikan, menonjolkan diri sebagai pejuang rakyat, tanpa adanya hati yang ikhlas untuk benar-benar membela rakyat.

Pemimpin politik dilayan bagaikan raja, dipandang tinggi, kata-kata mereka dianggap betul kerana amalan politik di Malaysia menekankan kekuasaanlah yang menentukan kebenaran. Ini bermakna apabila seseorang berkuasa dia dilihat mengetahui segala-galanya, tidak boleh ditegur dan harus dipandang dengan martabat tinggi.

Inilah sebahagian amalan feudalisme yang masih berakar umbi dalam masyarakat hari ini. Pangkat, bintang dan pingat berjela-jela dijadikan ukuran, dikejar sehingga sanggup dibayar puluhan ribu ringgit kerana di situ terletak status sosial seseorang. Kerana gilakan gelaran dan pangkat wujud kecelaruan identiti.

Misalnya, tenaga akademik di universiti yang seharusnya melihat jawatan profesor sebagai keutamaan, kini mahu menambah gelaran itu dengan pangkat Datuk dan Tan Sri serta dalam masa sama mahu memegang atau dilantik ke jawatan lain, sedangkan tugas hakiki mereka untuk mengajar, mendidik anak bangsa, melakukan penyelidikan bagi meleraikan persoalan masyarakat

ditinggalkan.

Budaya ini diburukkan lagi dengan berleluasanya gejala mengampu dan berpura-pura, menggunakan naungan politik bagi kenaikan pangkat dalam organisasi mahupun institusi awam. Ini bukan saja berlaku bagi kerjaya biasa, malah bidang yang dianggap mulia seperti pensyarah dan pegawai tadbir diplomatik.

Sebab itu di universiti misalnya ada pensyarah yang tidak pernah menghasilkan walau sebuah buku, mampu mendapat kenaikan pangkat sebagai profesor madya hanya kerana beliau rapat dengan naib canselor.

Ada setengahnya sanggup bermain politik kotor mengalahkan proses pemilihan Umno bahagian dengan memfitnah, membuat perancangan atau konspirasi bagi menjatuhkan orang lain.

Universiti tempatan kini juga penuh dengan idealisme kosong, kononnya mahu melahirkan golongan pemikir dan ahli falsafah, tetapi tuntutan asal bagi menyediakan pelajar yang mampu menghadapi realiti di dunia luar ditinggalkan.

Kerenah birokrasi di universiti lebih memburukkan lagi keadaan. Setengah kakitangan pentadbiran lebih mulia dan perlu dihormati, mengalahkan menteri. Ada juga pimpinan universiti yang berjaya menjadikan pekerjaanya seperti katak di bawah tempurung, semua harus berkata yang baik saja kerana takut, diugut dan digertak kerana pimpinannya mendakwa mengenali menteri.

Ada juga universiti yang pimpinannya membina dinasti bagi memastikan kepentingan mereka dipertahankan, walaupun selepas seseorang pentadbir bersara, dengan harapan dinasti yang dibentuk boleh memberikan peluang untuk mereka menjadi profesor kontrak selepas bersara.

Kepada pihak pentadbir, golongan yang digelar ilmuwan dan cendekiawan di universiti, buka mata kerana saya percaya masih ramai ilmuwan yang kuat prinsip dan pegangan mereka dan cemerlang kualiti kerjanya, tetapi kerana ada golongan tamak kuasa dan menganggap universiti hak milik mereka, maka terlalu banyak kelemahan, kepincangan dan kebobrokan yang terus berlaku hingga menjejaskan imej dan keunggulan universiti sendiri.

SUDIN LAMRI,  
Alor Star,  
Kedah.

(END)